



**PEJABAT PERDANA MENTERI MALAYSIA**  
Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 PUTRAJAYA



Tel. : 603-8000 8000  
Faks : 603-8888 3444  
Laman Web : <http://www.pmo.gov.my>

## **KENYATAAN MEDIA**

### **HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN SEMPENA HARI MENGUNDI UNTUK PILIHAN RAYA UMUM KE-14**

1. Berikutan pengumuman Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bahawa hari mengundi Pilihan Raya Umum Ke-14 ialah pada 9 Mei 2018, Kerajaan telah menetapkan hari tersebut sebagai Hari Kelepasan Am tambahan seluruh Negara. Ini bagi membolehkan rakyat Malaysia menjalankan tanggung jawab mereka sebagai pengundi.
2. Pengisytiharan cuti umum ini dibuat berdasarkan seksyen 8 Akta Hari Kelepasan 1951 bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Bagi Sabah dan Sarawak, Kerajaan-Kerajaan Negeri hendaklah mengisytiharkan hari kelepasan am tambahan pada tarikh tersebut mengikut Ordinan Hari Kelepasan Am masing-masing.

**PEJABAT PERDANA MENTERI**

**11 APRIL 2018**